KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	21/2/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	20
JABATAN	:	PERHILITAN			

2 penternak lembu rugi RM30,000 rumput napier dirosak gajah

Dungun: Dua penternak lembu di Bandar Al Muktaffi Billah Shah, di sini, kerugian RM30,000 selepas tanaman rumput napier yang diusahakan mereka dirosakkan sekumpulan gajah.

Penternak, Abdul Wahab Mohd Amin, 60, berkata selain merosakkan tanaman rumput yang diusahakan di kawasan seluas 240 hektar itu, kumpulan gajah berkenaan turut memusnahkan pagar ladang.

Beliau berkata, kejadian berlaku pada khamis lalu itu adalah yang pertama sejak empat tahun mereka mengusahakan ternakan lembu di situ.

"Sebelum ini, kumpulan gajah terbabit hanya melalui kawasan ini dan mungkin dalam hutan sudah tiada lagi makanan, maka haiwan berkenaan menceroboh masuk ke ladang ini.

"Kesan serangan gajah itu menyebabkan penternak bimbang keselamatan 200 lembu ternakan mereka. Apabila kawasan pagar sekeliling dirosakkan gajah, kami bimbang lembu ternakan di baham binatang liar lain seperti harimau kumbang," katanya ketika ditemui, semalam.

Sementara itu, Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Besi, Ghazali Sulaiman, berkata pihaknya sudah memaklumkan mengenai kejadian berkenaan kepada Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN).

"Selain itu, kita juga akan maklumkan kepada agensi lain iaitu Jabatan Veterinar dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

"Kita percaya pihak terbabit dapat membantu bagi meringankan beban terhadap penternak yang terkesan," katanya.

BH 210222_20